

PENILAIAN PASCA PESALAH PENYALAHGUNAAN DADAH TERHADAP KEBERKESANAN HUKUMAN

EVALUATION ON THE EFFECTIVENESS OF PUNISHMENT OF DRUG ABUSE POST-OFFENDER

Mohd Khairul Anuar Ismail¹
Wan Nazihah Wan Mohamed²
Zanirah Mustafa@Busu³
Mohd Nazri Mat Zin⁴
Nik Muniyati Nik Din⁵

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
(E-mail: anuar785@uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
(Email: wnazihah@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
(E-mail: zanir126@uitm.edu.my)

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
(Email: nazri743@uitm.edu.my)

⁵Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
(E-mail: nikmuniyati@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 5-9-2022
Revised date : 6-9-2022
Accepted date : 4-11-2022
Published date : 7-11-2022

To cite this document:

Ismail, M. K. A., Wan Mohamed, W. N., Mustafa@Busu, Z., Mat Zin, M. N., & Nik Din, N. M. (2022). Penilaian Pasca Pesalah Penyalahgunaan Dadah Terhadap Keberkesanan Hukuman. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(49), 35 - 46.

Abstrakt: Usaha pihak kerajaan untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah sememangnya telah bermula semenjak tahun 1952 lagi. Pelbagai tindakan pencegahan dan hukuman telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan termasuklah mengenakan hukuman berat ke atas pesalah dadah iaitu melalui tindakan penguatkuasaan undang-undang Akta Dadah Berbahaya 1952. Namun demikian, isu peyalahgunaan dadah semakin hari semakin meningkat seolah-olah berkembang selari dengan arus kemodenan dan pembangunan negara. Penjara sebenarnya bukan sahaja merupakan tempat untuk menghukum mereka yang melakukan kesalahan, namun lebih menjurus sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk memulih, memimpin dan mendidik pesalah agar menjadi individu yang berdisiplin dan bertanggungjawab setelah mereka kembali ke pangkuan masyarakat. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti jenis kesalahan dan keberkesanan hukuman serta menganalisis penilaian sendiri responden selepas menjalani hukuman. Kajian yang dijalankan diklasifikasikan sebagai kajian tinjauan secara rawak yang berbentuk kuantitatif terhadap 86 responden dari kalangan penghuni Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Machang. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) secara statistik deskriptif. Hasil kajian mendapati kebanyakan responden bersetuju hukuman yang dikenakan adalah amat memeritkan, menginsafkan serta mampu mengubah diri menjadi lebih baik serta dapat memberi keazaman agar tidak mengulangi

kesilapan lalu. Manakala aktiviti-aktiviti keagamaan yang dilaksanakan di penjara pula dapat memberikan kesedaran tentang kehidupan beragama di kalangan penghuninya.

Kata Kunci: Penyalahgunaan dadah, keberkesanan hukuman, Pusat Pemulihan Akhlak Machang

Abstract: *The government's efforts to deal with the problem of drug abuse have indeed started since 1952. Various preventive measures and punishments have been implemented by the government, including the imposition of severe punishments on drug offenders through the enforcement of the Dangerous Drugs Act 1952. However, the issue of drug abuse is increasing day by day as if growing in line with the current country's modernity and development. Prison is actually not only a place to punish those who commit wrongdoing, but is more oriented as an institution responsible for rehabilitating, leading and educating offenders to become disciplined and responsible individuals after they return to society. The study aimed to identify the type of offense and the effectiveness of the punishment as well as to analyse the respondents' self-evaluation after serving the sentence. The study conducted is classified as a quantitative study of 86 respondents among the residents of Moral Rehabilitation Center (PPA) Machang. The data obtained was then analysed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software in a descriptive statistical manner. The results of the study found that most respondents agreed that the punishment imposed was very painful, convincing, able to change oneself for the better and give determination not to repeat past mistakes. Meanwhile, religious activities carried out in prisons can provide awareness about religious life to the inmates*

Keywords: *Drug abuse, effectiveness of punishment, Pusat Pemulihan Akhlak Machang*

Pengenalan

Penyalahgunaan dadah bukanlah satu perkara baru kerana ianya telah dikesan semenjak berabad-abad yang lalu meskipun tarikh sebenar tidak dapat diketahui. Mengikut sumber sejarah, dadah dikaitkan dengan alam fantasi oleh masyarakat zaman dahulu kala yang menganggapnya sebagai pembalut penderitaan dan sumber keseronokan (Arsat & Azizah, 2011). Bermula dari tahun 1970-an sehingga kini, masalah dadah masih kurang menampakkan perubahan yang memberangsangkan. Sebagai sebuah rantau yang dikatakan banyak menerima perubahan serta pembangunan, rantau Asia Pasifik termasuk Malaysia turut mengalami pelbagai gejala sosial berkait dengan penyalahgunaan dadah. Pelbagai usaha telah giat dilaksanakan, namun senario ini seolah-olah berkembang selari dengan arus kemodenan dan pembangunan Negara (Abdul Ghafar, 1992).

Penagihan dadah merupakan satu masalah sosial utama negara. Jika dibiarkan gejala penagihan ini, ia akan memudaratkan negara dalam jangka masa yang panjang kerana masalah penagihan dadah ini secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan kes-kes jenayah lain. Usaha untuk menangani masalah dadah ini sememangnya telah bermula semenjak tahun 1952 lagi. Pelbagai tindakan pencegahan dan hukuman telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan termasuklah mengenakan hukuman berat ke atas pesalah dadah iaitu melalui tindakan penguatkuasaan undang-undang Akta Dadah Berbahaya 1952 (Alia Ashrani, Huzili & Aida Shakila, 2016). Namun demikian, isu penagihan dadah ini semakin hari semakin meningkat seolah-olah berkembang selari dengan arus kemodenan dan pembangunan negara (Abdul Ghafar, 1992).

Berdasarkan konsep kepenjaraan pada masa ini, penjara ialah tempat bagi mereka yang didapati bersalah oleh mahkamah di mana mereka akan ditahan, dikawal dan menjalani pelbagai program pemulihan. Penjara sebenarnya bukan sahaja merupakan tempat untuk menghukum mereka yang melakukan kesalahan, namun lebih menjurus sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk memulih, memimpin dan mendidik pesalah agar menjadi individu yang berdisiplin dan bertanggungjawab setelah mereka kembali ke pangkuan masyarakat. Walaupun pelbagai usaha pencegahan untuk memerangi dan membanteras gejala penagihan dadah telah dijalankan oleh pihak kerajaan, kes ketagihan dadah masih menunjukkan peningkatan saban tahun. Tambahan pula, terdapat ramai dalam kalangan penagih dadah yang telah menjalani rawatan terjebak kembali dengan penagihan semula dadah (*relapse*) setelah keluar dari pusat pemulihan (Maisarah Saidin et al., 2021).

Manakala dalam persoalan kekal pulih di kalangan bekas pesakit penyalahgunaan dadah pula, hanya 1 peratus yang berpendapat mereka boleh kekal pulih (Amin Al Haadi et al., 2022). Oleh yang demikian, keberkesanan hukuman serta program pemulihan dadah dalam membendung masalah pengulangan penagihan dadah masih menjadi satu isu. Sebahagian besarnya adalah berguna hanya selama penghuni berada dalam institusi. Namun ia tidak pula menjamin bahawa mereka dapat mengawal sepenuhnya sikap dan tingkahlaku mereka berkait dengan masalah penagihan dadah setelah mereka dibebaskan (Rokiah, 2010). Walaupun telah bebas menjalani hukuman, mereka masih lagi berada dalam keadaan yang dinamakan sebagai 'bersituasi berisiko tinggi untuk kembali' atau *relapse* kepada aktiviti penagihan dadah (Amran, Fauziah & Saralah, 2020).

Objektif Kajian:

Berdasarkan situasi pemasalahan penyalahgunaan dadah yang masih tinggi di kalangan masyarakat Malaysia, kajian ini dijalankan dengan tujuan berikut:

1. Mengenal pasti jenis kesalahan dan hukuman yang dialami oleh responden
2. Menilai keberkesanan hukuman yang dialami oleh responden
3. Menganalisis penilaian sendiri responden selepas menjalani hukuman.

Sorotan Literatur

Berdasarkan pengkajian penulis terhadap kajian lepas, didapati bahawa perihal berkaitan penilaian pasca pesalah penyalahgunaan dadah telah banyak dibincangkan oleh para pengkaji terdahulu melalui hasil penulisan mereka dalam pelbagai bidang pengkhususan. Antaranya ialah kajian dari perspektif kesalahan dan hukuman yang dikenakan. Menurut Alia Ashrani, Huzili & Aida Shakila, 2016 iaitu Dasar Dadah Negara diperkenalkan pada 11 Jun 1996 dengan tujuan mengurangkan permintaan bekalan dadah serta melahirkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada dadah serta Akta Dadah Berbahaya 1952 meliputi tindakan mengedar dadah. Manakala, (Anwarul Yaqin, 1996) mendapati hukuman bagi pesalah tersebut ialah penjara tidak kurang daripada 5 tahun atau penjara seumur hidup dengan 10 sebatan. Seseorang dianggap melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(B) Akta Dadah Berbahaya 1952 sekiranya beliau didapati menanam atau mengusahakan pokok ganja (walaupun sepohon) dan boleh dihukum penjara seumur hidup dan disebut tidak kurang daripada 6 sebatan. Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 pula memperuntukkan hukuman mati mandatori bagi pengedar dengan sabit kesalahan mengedar dadah. Sementara itu, dalam (The Commissioner of Law Revision, 2006) menggariskan Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan) 2002 Akta A1167 telah diluluskan dan diwartakan pada 8 Ogos 2002. Dengan berkuatkuasanya akta ini mulai 11 November 2002, penagih dadah yang menagih semula selepas 2 kali perlu menjalani rawatan dan pemulihan di

Pusat Serenti dengan pengawasan dari 5 hingga 7 tahun serta dikenakan sebatan tidak lebih daripada 3 kali. Sekiranya mereka didapati menagih sekali lagi bagi kali ke-4, mereka akan dihukum penjara dari 7 hingga 13 tahun dan sebatan sebanyak 3 hingga 6 sebatan.

Selain itu juga (Rokiah, 2010) mendapati satu lagi langkah menangani masalah dadah adalah melalui usaha memulihkan para penagih dadah di pusat pemulihan khas kerajaan dan swasta, dan juga secara seliaan di luar pusat pemulihan. Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [APD (R&P)] menyatakan bahawa seseorang boleh ditahan untuk ujian air kencing di bawah Seksyen 3(1) APD (R&P) 1983 sekiranya disyaki menagih dadah. Setelah disahkan bahawa seseorang itu adalah penagih dadah, majistret boleh membuat perintah menurut Seksyen 6(1) sama ada penagih tersebut perlu menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan selama 2 tahun dan kemudiannya menjalani pengawasan selama 2 tahun atau diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai untuk tempoh selama 2 hingga 3 tahun. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan telah membina beberapa buah pusat iaitu Pusat Serenti dan Pusat Jagaan Lanjutan di negeri-negeri tertentu untuk mengurangkan masalah penagihan dadah. Terdapat juga pusat rawatan dan pemulihan yang diadakan oleh beberapa buah badan swasta. Sehingga kini, terdapat dua puluh lapan buah Pusat Serenti yang beroperasi sepenuhnya.

Manakala dari sudut keberkesanan hukuman pula, hasil kajian Rokiah (2010) mendapati keberkesanan hukuman serta program pemulihan dadah dalam membendung masalah pengulangan penagihan dadah masih menjadi satu isu. Sebahagian besarnya adalah berguna hanya selama penghuni berada dalam institusi. Namun ia tidak pula menjamin bahawa mereka dapat mengawal sepenuhnya sikap dan tingkahlaku mereka berkait dengan masalah penagihan dadah setelah mereka dibebaskan. Kajian Amran, Fauziah dan Saralah (2020) pula mendapati majoriti responden dalam kalangan pengguna dadah berada dalam keadaan yang dinamakan sebagai 'bersituasi berisiko tinggi untuk kembali' atau *relapse* kepada aktiviti penagihan dadah. Program rawatan dan pemulihan dadah yang dikendalikan pihak kerajaan untuk memulihkan pengguna dadah tidak menunjukkan pengaruh positif ke arah tingkahlaku penyalahgunaan semula dadah. Sebagai tambahan, kajian Petersilia (2003) mendapati pengalaman penahanan di penjara atau institusi pemulihan akhlak mampu memberi kesan negatif dalam diri banduan khususnya dari aspek fizikal, mental dan emosi. Noor Azniza et al. (2021) terhadap 4734 responden yang mendapati indeks anti dadah kebangsaan yang dicatatkan secara keseluruhan adalah 4.28 pada maksimum skor min skala 5 yang bermakna majoriti responden iaitu pelaksana, komuniti dan pelatih bersetuju bahawa semua program yang telah dilaksanakan adalah berkesan. Di samping itu juga, responden berpendapat hukuman yang dikenakan mampu menjadikan mereka individu yang lebih baik, mampu untuk menjaga kefarduan agama dan amalan baik yang dipelajari di dalam penjara serta mampu untuk mengelak dan mengawal diri dari mengulangi kesilapan lalu. Ini sejajar dengan pernyataan kajian Hasnizam, Norman dan Ramalinggam (2018) yang mendapati pembangunan modul pemulihan bagi pesalah jenayah yang menjalani hukuman penjara adalah seimbang dengan mengambil kira aspek pemulihan fizikal, mental, sikap, akhlak dan rohani.

Dari segi penilaian sendiri selepas menjalani hukuman pula, menurut kajian yang dijalankan oleh Abedi et al. (2017) mendapati kecenderungan untuk kekal pulih dalam penyalahgunaan dadah bergantung kepada beberapa elemen penting iaitu sokongan masyarakat yang padu, perasaan kesaksamaan, nilai tanggungjawab, tiada perasaan salah-menyalah, nilai kasih sayang serta perasaan simpati. Hasil kajian kajian Syaima Md Rozlan (2017) ke atas 300 banduan sabitan penjara Kajang pula mendapati kecenderungan keusahawanan, latihan kemahiran dan

sokongan keluarga berada pada tahap tinggi manakala ciri-ciri keusahawanan dan bantuan kewangan didapati berada pada tahap sederhana tinggi. Ini sejajar dengan penyataan kajian. Di samping itu, hasil kajian Siti Jamiaah, Yusmini dan Rozmi (2016) mendapati program pemulihan melalui pendekatan keagamaan mampu mempengaruhi pembentukan konsep sendiri banduan wanita. Kefahaman agama yang tinggi, kekuatan akidah dan pelaksanaan ibadah dan syariat dapat membantu pembinaan konsep sendiri banduan wanita yang lebih positif. Menurut Saifulazry et al. (2021), modul kerohanian yang dirangka dan dibentuk oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia menjadikan perjalanan proses pengajaran dan penyebaran ilmu agama kepada banduan menjadi semakin terancang dan memberi impak yang ketara kepada banduan.

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah memfokuskan kepada penilaian pasca pesalah penyalahgunaan dadah terhadap keberkesanan hukuman dalam kalangan penghuni Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Machang. PPA Machang telah diwartakan pada 6 Disember 2007 dan mula beroperasi pada bulan Julai 2008 yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran penjara merangkumi aspek keselamatan, pemulihan dan pengurusan. Pusat ini telah dikhususkan bagi menempatkan orang tahanan bagi kes Akta Dadah Merbahaya 1985 (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) dan berupaya menempatkan maksima seramai 1000 orang tahanan.

Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan diklasifikasikan sebagai kajian tinjauan berbentuk kuantitatif. Proses pengumpulan data diperoleh secara rawak melalui pendedaran set borang soal selidik terhadap 86 responden dari kalangan penghuni Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Machang. Soal selidik dibina serta diubahsuai hasil daripada sorotan kajian yang lepas mengikut keperluan kajian. Setiap item bagi soal selidik diukur mengikut skala Likert (1-5) iaitu dengan pilihan angka 1 yang mewakili “sangat tidak setuju”, angka 2 mewakili “tidak setuju”, angka 3 mewakili “tidak pasti”, angka 4 mewakili “setuju” dan angka 5 mewakili “sangat setuju”. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) secara statistik deskriptif. Analisis statistik deskriptif kekerapan dan peratus digunakan bagi demografi responden. Manakala teknik pengukuran menggunakan analisis min kekerapan digunakan bagi menentukan persepsi responden terhadap keberkesanan hukuman dan penilaian sendiri selepas menjalani hukuman.

Analisis Kajian

Hasil kajian dijalankan melihat kepada empat aspek iaitu latar belakang responden, jenis kesalahan dan hukuman, persepsi responden terhadap keberkesanan hukuman dan penilaian sendiri responden selepas menjalani hukuman.

Jadual 1 menunjukkan analisis latar belakang responden. Jumlah keseluruhan responden yang terlibat adalah seramai 86 responden. Majoriti responden adalah berumur antara 18 hingga 29 tahun iaitu sebanyak 33.7 peratus. Manakala majoriti daripada mereka bekerja sendiri iaitu sebanyak 76.7 peratus. Dari sudut tahap pendidikan pula, majoriti mempunyai kelulusan SRP/PMR iaitu sebanyak 36 peratus. Pendapatan keluarga majoriti responden pula adalah sebanyak RM1200 ke bawah iaitu sebanyak 80 peratus.

Jadual 1: Analisis latar belakang responden

Item	Ciri-ciri	Bilangan	Peratus (%)
Umur	18-29 tahun	29	33.7
	30-39 tahun	25	29.1
	40-49 tahun	22	25.6
	50-59 tahun	8	9.3
	60-69 tahun	1	1.2
	70 tahun ke atas	1	1.2
Status perkahwinan	Bujang	36	41.9
	Berkahwin	29	33.7
	Duda	21	24.4
Pekerjaan	Kakitangan kerajaan	3	3.5
	Kakitangan swasta	2	2.3
	Bekerja sendiri	66	76.7
	Pesara	5	5.8
	Tidak bekerja	9	10.5
	Pelajar	1	1.2
Tahap pendidikan responden	Tiada pendidikan formal	3	3.5
	Sekolah rendah	24	27.9
	Sekolah menengah (SRP/PMR)	31	36.0
	Sekolah menengah (SPM)	22	25.6
	Sijil/STPM/Diploma	5	5.8
	Universiti (Ijazah/Sarjana/PhD)	1	1.2
Pendapatan keluarga (sebulan)	RM1200 ke bawah	70	81.4
	RM1201 – RM4000	14	16.3
	RM4001 – RM7000	1	1.2
	RM7001 ke atas	1	1.2

Jenis kesalahan dan hukuman

Jadual 2 menunjukkan jenis kesalahan yang disabitkan serta hukuman yang dialami pesalah penagihan dadah. Sebanyak 59 orang atau 68.6 peratus responden melakukan kesalahan berkait dengan dadah di mana 52 responden atau 60.5 peratus daripada mereka sedang menerima hukuman penjara. Namun begitu, dari sudut kekerapan dipenjara, seramai 29 responden atau 33.7 peratus adalah terdiri daripada mereka dengan pertama kali disabitkan kesalahan manakala 13 responden atau 15.1 peratus mewakili mereka yang telah menjalani hukuman melebihi 5 kali.

Jadual 2: Jenis kesalahan dan hukuman responden

Item	Ciri-ciri	Bilangan	Peratus (%)
Jenis kesalahan	Dadah	59	68.6
	Mencuri	6	7.0
	Merompak/samun	4	4.7
	Memiliki senjata api	1	1.2
	Dadah dan mencuri	3	3.5
	Lain-lain	13	15.1

Jenis hukuman	Penjara	52	60.5
	Sebatan	2	2.3
	Penjara dan sebatan	30	34.9
	Penjara dan denda	2	2.3
	Kali pertama	29	33.7
Kekerapan dipenjarakan	Kali ke-2	24	27.9
	Kali ke-3	13	15.1
	Kali ke-4	7	8.1
	Kali ke-5 dan ke atas	13	15.1

Keberkesanan hukuman

Jadual 3 menunjukkan analisis bagi persepsi responden terhadap keberkesanan hukuman yang dijalani pesalah dadah di PPK Machang. Analisis mendapati nilai min tertinggi diperolehi untuk pernyataan bahawa aktiviti keagamaan di penjara menyedarkan mereka tentang kehidupan beragama dengan nilai min 4.65. Ini diikuti dengan pernyataan bahawa mereka berazam tidak akan mengulangi kesilapan lalu (nilai min 4.47) serta yakin mereka boleh berubah menjadi lebih baik selepas keluar dari penjara kelak (nilai min 4.40). Seterusnya, responden bersetuju bahawa kehidupan di penjara amat memeritkan (nilai min 4.37) dan hukuman yang diterima menginsafkan diri mereka terhadap kesilapan yang lalu (nilai min 4.30). Responden juga bersetuju bahawa hukuman penjara mampu mengubah diri mereka menjadi lebih baik (nilai min 4.24) serta beranggapan bahawa mereka tidak akan bergaul dengan rakan-rakan yang terlibat dengan jenayah (nilai min 4.09). Walau bagaimanapun, nilai min terendah diperolehi untuk pernyataan bahawa responden merasakan kehidupan di penjara lebih selamat berbanding di luar (nilai min 3.49).

Jadual 3: Persepsi responden terhadap keberkesanan hukuman

Item	Skala	Bilangan	Peratus	Nilai Min
Hukuman penjara mampu mengubah saya menjadi lebih baik	Sangat tidak setuju	2	2.3	4.24
	Tidak setuju	-	-	
	Tidak pasti	12	14.0	
	Setuju	33	38.4	
	Sangat setuju	39	45.3	
Hukuman yang diterima menginsafkan saya terhadap kesilapan yang lalu	Sangat tidak setuju	1	1.2	4.30
	Tidak setuju	-	-	
	Tidak pasti	11	12.8	
	Setuju	34	39.5	
	Sangat setuju	40	46.5	
Kehidupan di penjara amat memeritkan saya	Sangat tidak setuju	1	1.2	4.37
	Tidak setuju	1	1.2	
	Tidak pasti	8	9.3	
	Setuju	31	36.0	
	Sangat setuju	45	52.3	

Saya berazam tidak akan mengulangi kesilapan lalu	Sangat tidak setuju	1	1.2	4.47
	Tidak setuju	-	-	
	Tidak pasti	8	9.3	
	Setuju	26	30.2	
	Sangat setuju	51	59.3	
Aktiviti keagamaan di penjara menyedarkan saya tentang kehidupan beragama	Sangat tidak setuju	1	1.2	4.65
	Tidak setuju	-	-	
	Tidak pasti	1	1.2	
	Setuju	24	27.9	
	Sangat setuju	60	69.8	
Saya yakin bahawa saya boleh berubah menjadi lebih baik selepas keluar dari penjara kelak	Sangat tidak setuju	1	1.2	4.40
	Tidak setuju	-	-	
	Tidak pasti	11	12.8	
	Setuju	26	30.2	
	Sangat setuju	48	55.8	
Saya tidak akan bergaul dengan rakan-rakan yang terlibat dengan jenayah	Sangat tidak setuju	1	1.2	4.09
	Tidak setuju	2	2.3	
	Tidak pasti	21	24.4	
	Setuju	26	30.2	
	Sangat setuju	36	41.9	
Saya merasakan kehidupan di penjara lebih selamat berbanding di luar	Sangat tidak setuju	9	10.5	3.49
	Tidak setuju	7	8.1	
	Tidak pasti	21	24.4	
	Setuju	31	36.0	
	Sangat setuju	18	20.9	

Penilaian sendiri selepas menjalani hukuman

Jadual 4 pula menunjukkan analisis penilaian sendiri responden selepas menjalani hukuman. Hasil dapatan kajian mendapati nilai min tertinggi adalah untuk pernyataan bahawa keluarga responden boleh menerima bekas penagih selepas mereka keluar dari penjara dengan nilai min 4.59. Penilaian kedua tertinggi (nilai min 4.34) pula merujuk kepada persepsi bahawa responden mampu meneruskan amalan baik yang dipelajari di dalam penjara diikuti dengan responden mampu menjadi orang yang lebih baik apabila keluar dari penjara kelak (nilai min 4.31). Nilai min sebanyak 4.27 diperolehi untuk anggapan bahawa responden mampu menjaga kefardhuan agama apabila keluar dari penjara kelak manakala responden mampu mengawal diri dan mengelak daripada mengulangi kesilapan lalu mempunyai nilai min 4.20. Hasil analisis seterusnya mendapati kebanyakan responden menyatakan mereka tidak pasti (36%) serta tidak setuju (32.6%) dengan pernyataan bahawa masyarakat boleh menerima mereka selepas keluar dari penjara dengan nilai min 3.86. Dari sudut peluang pekerjaan pula, responden berasa tidak setuju (38.4%) dan tidak pasti (32.6%) bahawa mereka mampu memperoleh peluang pekerjaan dengan nilai min 3.83. Hasil penilaian terendah (nilai min 2.52) pula diperolehi untuk pernyataan bahawa responden merasai keseronokan hidup di penjara walaupun tanpa pasangan mereka dengan jumlah sebanyak 50 peratus yang menyatakan tidak setuju.

Jadual 4: Penilaian sendiri responden selepas menjalani hukuman

Item	Skala	Bilangan	Peratus	Nilai Min
Keluarga boleh menerima saya selepas keluar dari penjara kelak	Sangat tidak setuju	1	1.2	4.59
	Tidak setuju	-	-	
	Tidak pasti	5	5.8	
	Setuju	21	24.4	
	Sangat setuju	59	68.6	
Masyarakat boleh menerima saya selepas keluar dari penjara kelak	Sangat tidak setuju	2	2.3	3.86
	Tidak setuju	1	1.2	
	Tidak pasti	28	32.6	
	Setuju	31	36.0	
	Sangat setuju	24	27.9	
Mampu memperoleh peluang pekerjaan sebagaimana orang lain	Sangat tidak setuju	1	1.2	3.83
	Tidak setuju	1	1.2	
	Tidak pasti	33	38.4	
	Setuju	28	32.6	
	Sangat setuju	23	26.7	
Mampu menjadi orang yang lebih baik apabila keluar dari penjara kelak	Sangat tidak setuju	1	1.2	4.31
	Tidak setuju	-	-	
	Tidak pasti	8	9.3	
	Setuju	39	45.3	
	Sangat setuju	38	44.2	
Mampu menjaga kefardhuan agama apabila keluar dari penjara kelak	Sangat tidak setuju	1	1.2	4.27
	Tidak setuju	1	1.2	
	Tidak pasti	3	3.5	
	Setuju	50	58.1	
	Sangat setuju	31	36.0	
Mampu meneruskan amalan baik yang dipelajari di dalam penjara	Sangat tidak setuju	1	1.2	4.34
	Tidak setuju	-	-	
	Tidak pasti	3	3.5	
	Setuju	47	54.7	
	Sangat setuju	35	40.7	
Mampu mengawal diri dan mengelakkan daripada mengulangi kesilapan lalu	Sangat tidak setuju	2	2.3	4.20
	Tidak setuju	-	-	
	Tidak pasti	10	11.6	
	Setuju	41	47.7	
	Sangat setuju	33	38.4	
Keseronokan hidup di penjara walaupun tanpa pasangan	Sangat tidak setuju	22	25.6	2.52
	Tidak setuju	21	24.4	
	Tidak pasti	25	29.1	
	Setuju	12	14.0	
	Sangat setuju	6	7.0	

Rumusan dan Kesimpulan

Kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat merupakan salah satu masalah sosial utama negara. Meskipun terdapat hukuman, misalnya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 yang meliputi kesalahan mengedar dadah dengan hukuman penjara tidak kurang daripada 5 tahun atau penjara seumur hidup dengan 10 sebatan, isu peyalahgunaan dadah ini semakin hari semakin meningkat. Persoalan yang timbul adalah sejauh mana keberkesanan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah penyalahgunaan dadah.

Hasil dapatan kajian terhadap penghuni Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Machang berkaitan penilaian pasca pesalah penyalahgunaan dadah terhadap keberkesanan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah penyalahgunaan dadah mendapati majoriti responden bersetuju hukuman yang dikenakan adalah amat memeritkan, menginsafkan serta mampu mengubah diri mereka menjadi lebih baik serta dapat memberi keazaman agar tidak mengulangi kesilapan lalu. Manakala aktiviti-aktiviti keagamaan yang dilaksanakan di penjara pula dapat memberikan kesedaran tentang kehidupan beragama di kalangan penghuninya. Hasil kajian ini adalah selari dengan kajian Noor Azniza et al. (2021) terhadap 4734 responden yang mendapati indeks anti dadah kebangsaan yang dicatatkan secara keseluruhan adalah 4.28 pada maksimum skor min skala 5 yang bermakna majoriti responden iaitu pelaksana, komuniti dan pelatih bersetuju bahawa semua program yang telah dilaksanakan adalah berkesan.

Penjara serta hukuman yang dikenakan ke atas sebarang kesalahan sebenarnya bukan sahaja untuk menghukum mereka yang melakukan kesalahan, namun lebih menjurus sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk memulih, memimpin dan mendidik pesalah agar menjadi individu yang berdisiplin dan bertanggungjawab setelah mereka kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat. Hasil analisis kajian terhadap penilaian sendiri pesalah penyalahgunaan dadah selepas menjalani hukuman mendapati majoriti responden mempunyai anggapan bahawa mereka akan diterima keluarga dan masyarakat selepas keluar dari penjara serta mampu memperoleh pekerjaan seperti orang lain. Hal demikian adalah selari dengan hasil kajian Syaima Md Rozlan (2017) ke atas 300 banduan sabitan penjara Kajang yang mendapati kecenderungan keusahawanan, latihan kemahiran dan sokongan keluarga berada pada tahap tinggi. Manakala ciri-ciri keusahawanan dan bantuan kewangan didapati berada pada tahap sederhana tinggi. Menurut Abedi et al. (2017) pula, kecenderungan untuk kekal pulih dalam penyalahgunaan dadah bergantung kepada beberapa elemen penting iaitu sokongan masyarakat yang padu, perasaan kesaksamaan, nilai tanggungjawab, tiada perasaan salah-menyalah, nilai kasih sayang serta perasaan simpati.

Di samping itu juga, responden berpendapat hukuman yang dikenakan mampu menjadikan mereka individu yang lebih baik, mampu untuk menjaga kefarduan agama dan amalan baik yang dipelajari di dalam penjara serta mampu untuk mengelak dan mengawal diri dari mengulangi kesilapan lalu. Ini sejajar dengan pernyataan kajian Hasnizam, Norman dan Ramalinggam (2018) yang mendapati pembangunan modul pemulihan bagi pesalah jenayah yang menjalani hukuman penjara adalah seimbang dengan mengambil kira aspek pemulihan fizikal, mental, sikap, akhlak dan rohani. Di samping itu, hasil kajian Siti Jamiaah, Yusmini dan Rozmi (2016) mendapati program pemulihan melalui pendekatan keagamaan mampu mempengaruhi pembentukan konsep sendiri banduan wanita. Kefahaman agama yang tinggi, kekuatan akidah dan pelaksanaan ibadah dan syariat dapat membantu pembinaan konsep sendiri banduan wanita yang lebih positif. Menurut Saifulazry et al. (2021), modul kerohanian yang dirangka dan dibentuk oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia menjadikan perjalanan proses

pengajaran dan penyebaran ilmu agama kepada banduan menjadi semakin terancang dan memberi impak yang ketara kepada banduan.

Dari segi signifikansi kajian, hasil kajian yang dijalankan memberi implikasi kepada pemahaman badan-badan organisasi seperti penjara mengenai keberkesanan hukuman terhadap pesalah penyalahgunaan dadah. Memandangkan kajian ini menunjukkan kecenderungan bahawa aktiviti-aktiviti keagamaan yang dilaksanakan di penjara dapat memberi kesedaran tentang kehidupan beragama, maka program-program pembangunan rohaniah dan keagamaan perlu ditekankan dalam proses hukuman dan pemulihan yang dijalankan. Sementara sokongan dan bimbingan penerimaan keluarga dan masyarakat setelah bebas dari hukuman pula adalah penting bagi memastikan mereka tidak merasa tertekan. Oleh itu, program-program motivasi dan kesedaran keluarga terhadap banduan perlu didedahkan kepada keluarga banduan dan masyarakat. Ini dapat memupuk kesedaran dan penerimaan masyarakat terhadap banduan.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan kerana memberi sokongan kewangan bagi penerbitan penyelidikan ini di bawah dana skim geran dalaman bertajuk Pembangunan Model Pembelajaran Sepanjang Hayat Berdasarkan Konsep Hifz-Deen untuk Pesalah Pasca Penyalahgunaan Dadah (NO.600-TNCPI 5/3 DDN (03 (007/2020)). Kami akan juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pemulihan Akhlak Machang kerana menyokong sebahagian kajian ini.

Rujukan

- Abdul Ghafar Taib (1992). *Dadah Pembunuh*. Kuala Lumpur: Delmu Sdn. Bhd.
- Abedi, H., Nasiri Rizi, M., Mohammadi Nasrollah, A., Ghodoosi, A., & Navidian, A. (2017). Addiction Abstinence as an Accessible Experience: A Phenomenological Study. *International Journal High Risk Behaviors and Addiction*, 6(1), e31241. doi: 10.5812/ijhrba.31241.
- Alia Ashrani Azmi, Huzili Hussin, & Aida Shakila Ishak (2016, 26 & 27 Mei). Isu Resudividme: Sokongan Sosial dan Program Pemulihan Yang Diperlukan Oleh Penagih Dadah. *Seminar Psikologi Kebangsaan III 2016*. Sabah: Kota Kinabalu.
- Amin Al Haadi Shafie, Nurhafizah Mohamad Yasin, Abdul Rashid Abdul Aziz, Amer Fawwaz Mohamd Yasid, & Ahmad Yunus. (2022). Kekal Pulih, Faktor Risiko dan Faktor Perlindungan Dalam Kalangan Bekas Pesakit Penyakit Penyalahgunaan Dadah. *International Journal of Sosial Science Research (IJSSR)*, 4(1), 58-76.
- Amran Idris, Fauziah Shaffie, & Saralah Devi Mariamdarani (2020). Faktor-faktor pencegahan Fenomena Relapse Dalam Kalangan Pengguna Dadah. *Asian People Journal*, 3(2), 161-168.
- Anwarul Yaqin (1996). *Low and Society in Malaysia*. International Low Book Services. Kuala Lumpur.
- Arsat Mahyuddin, & Azizah Besar. (2011). Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Pelajar: Satu Kajian Di Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1-9.
- Hasnizam Hashim, Norman Zakiyy, & Ramalinggam Rajamanikam (2018). Program Pemulihan di Dalam Penjara Bagi Pesalah Jenayah: Kajian di Jabatan Penjara. *JUUM (ISU KHAS/SPECIAL SSSUE)*, 72-85.
- Maisarah Saidin, Abdulloh Salaeh, Mohd Zohdi Mohd Amin, Syed Najihuddin Syed Hassan, & Adnan Mohamed Yusoff (2021). Rawatan penagihan Dadah Melalui Terapi Model

- Psikospiritual Holistik Berasaskan Aspek Ibadah: Satu Kertas Konsep. *International Conference And Muktamar On Prophetic Sunnah (ICMAS 2021)*.
- Noor Azniza Ishak, Siti Rozaina Kamsani, Md Zawawi Abu Bakar, Nur Syakiran Ismail, Zainuddin Omar & Mohamad Salleh Abdul Ghani (2021). Indeks Anti Dadah Kebangsaan (IADK) Tinjauan di Malaysia. *Malaysia Anti-Drugs Journal*, 13(2).
- Petersilia, J. (2003). When Prisoners Return to Communities: Political, Economic and Social Consequences. *Federal Probation*, 65(1), 3-8.
- Rokiah Ismail (2010). Pemerkasaan Pengguna Dadah dalam Institusi Pemilihan di Malaysia: Ke Arah Menjamin Kesejahteraan Individu dan Masyarakat. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*, 6(1), 31-49.
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Habibah @ Artini Ramlie & Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin (2021). Analisis Modul Kerohanian Jabatan Penjara Malaysia dan Impaknya Terhadap Banduan. Dalam *Perdaban dan Isu-isu Semasa*. Penerbit UMS. pp 257-285.
- Siti Jamiaah Abdul Jalil, Yusmini Md Yusoff, & Rozmi Ismail (2016). Peranan Program Keagamaan Terhadap Pemulihan Konsep Kendiri Banduan Wanita di Malaysia. *Afkar*, 18(2), 193-228.
- Syaima Md Rozlan (2017). *Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Banduan Sabitan Penjara Kajang*. Tesis Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia.
- The Commissioner of Law Revision (2006). *Laws of Malaysia Act 234 Dangerous Drugs Act 1952*. Percetakan Nasional Malaysia Bhd.